

Islam Hadhari

Himpunan Isu Kontemporari

Penyunting

Abdul Monir Yaacob dan Norhanizah Ismail





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISLAM HADHARI
Himpunan Isu
Kontemporari

CENDERAHATI SETULUS INGATAN

**SEMPENA KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME
PEGAWAI SERANTA (FELDA), JABATAN PERDANA MENTERI**

PADA 28 – 30 MEI 2005

DI AKADEMI LATIHAN FELDA (ALAF), KUANTAN



UCAP UTAMA KURSUS DAN PELANCARAN

SAHABAT SERANTA FELDA (SSAF)

OLEH Y.A.B. DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN ABDUL RAZAK

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISLAM HADHARI

Himpunan Isu Kontemporari

Penyunting
Abdul Monir Yaacob
Norhanizah Ismail



PUSTAKA PERDANA



1012154

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Islam Hadhari: Himpunan Isu Kontemporari /
penyunting Abdul Monir Yaacob, Norhanizah Ismail

ISBN 983-2718-05-8

1. Religious life--Islam. 2. Women in Islam. 3. Islam and science.
4. Islam and politics. I. Abdul Monir Yaacob, Datuk, 1946-
II. Norhanizah Ismail.
297.2

Cetakan pertama 2005

Cetakan kedua 2005

Penerbit:

Institut Kefahaman Islam Malaysia (234432-H)

2, Langgak Tunku off Jalan Duta, 50480, Kuala Lumpur

Tel: 03-6204 6200 Faks: 03-6204 6240

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Mukataip teks: Georgia 10.5 point

Rekabentuk kulit:

Zabidi Abu Kassim

Atur huruf:

Unit Penerbitan IKIM

Pencetak:

Izshen Ventures Sdn. Bhd. (489938-T)

Tel/Faks: 03-92842048

Email: izshen@tm.net.my

Perutusan

Perutusan	(vi)
Prakata	(vii)
Pengenalan	(ix)

BAB 1 : Islam Sebagai Cara Hidup

1) Perlembagaan tidak halang Islam <i>Abdul Monir Yaacob</i>	3
2) Orang Islam mesti pelihara hak setiap individu manusia <i>Abdul Monir Yaacob</i>	7
3) Manusia diikat peraturan <i>Abdul Monir Yaacob</i>	11
4) Khutbah nabi bernada sederhana <i>Abdul Monir Yaacob</i>	17
5) Hubungan Islam dengan ahlul kitab <i>Abdul Monir Yaacob</i>	21
6) Islam tuntutan umatnya cergas dalam ekonomi <i>Mazilan Musa</i>	25
7) Tanggungjawab mengurus amanah <i>Zainal Azam Abdul Rahman</i>	29
8) Pihak yang layak mengurus wakaf <i>Zainal Azam Abdul Rahman</i>	33

BAB 2 : Keperibadian Islam

1) Pupuk nilai hidup murni <i>Abdul Monir Yaacob</i>	41
2) Muhasabah diri menjelang tahun baru <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	47

3)	Akhlak cermin sikap terhadap Pencipta <i>Abdul Monir Yaacob</i>	51
4)	Pertembungan etika dengan akhlak <i>Abu Bakar Yang</i>	55
5)	Pembangunan meliputi perubahan sahsiah <i>Abu Bakar Yang</i>	61
6)	Membendung naluri ke jerat rasuah <i>Khairul Azhar Idris</i>	65
7)	Berwajah bersih pada 1 Syawal <i>Abdul Monir Yaacob</i>	69

BAB 3 : Wanita dan Keluarga Islam

1)	Akhlak dalam melayan kerenah isteri <i>Siti Fatimah Abd Rahman</i>	75
2)	Berkongsi masalah wanita <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	79
3)	Bekerja tetapi mampu menyelamatkan keluarga <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	81
4)	Mengurus kejayaan wanita <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	85
5)	Kemajuan pencapaian wanita Malaysia membanggakan <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	89
6)	Promosikan perkahwinan berdaya tahan <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	93
7)	Peranan majikan bina keluarga sejahtera <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	97
8)	Negara kebajikan rapuhkan institusi keluarga <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	101
9)	Usaha mencari bapa misali <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	105

(ii)



10) Didikan benteng diri terhadap pornografi <i>Siti Fatimah Abdul Rahman</i>	109
--	-----

BAB 4 : Islam dan Masyarakat

1) Umat Islam seumpama satu jasad <i>Abdul Monir Yaacob</i>	115
2) Takrifan negara Islam luas <i>Abdul Monir Yaacob</i>	121
3) Ambil berat tentang tanggungjawab rakyat terhadap negara <i>Abdul Monir Yaacob</i>	127
4) Mengekalkan perpaduan satu amanah <i>Khairul Azhar Idris</i>	131
5) Toleransi asas pembinaan <i>Abdul Monir Yaacob</i>	135
6) Kepelbagaian adalah untuk diraikan <i>Siti Fatimah Abd Rahman</i>	141
7) Jiran jadi asas masyarakat penyayang <i>Abdul Monir Yaacob</i>	145
8) Generasi muda perlukan kekuatan minda <i>Khairul Azhar Idris</i>	149
9) Kemerdekaan boleh hilang jika tidak dijaga <i>Abdul Monir Yaacob</i>	155
10) Nilai murni generasi pascamerdeka <i>Khairul Azhar Idris</i>	161
11) Kurangnya sifat kedermawanan <i>Siti Fatimah Abd Rahman</i>	167
12) Menghina mahkamah menurut syariah <i>Zainal Azam Abd. Rahman</i>	171
13) Memahami konsep membanteras jenayah <i>Zainal Azam Abd. Rahman</i>	175

14)	Wajib lindungi keluarga daripada penyakit berjangkit <i>Siti Fatimah Abd Rahman</i>	181
15)	Banteras cara hidup tidak sihat <i>Khairul Azhar Idris</i>	185
16)	Sikap pemandu cemarkan sambutan perayaan <i>Khairul Azhar Idris</i>	189

BAB 5 : Islam dan Sains

1)	Kaitan Islam dengan sains <i>Sh. Mohd Saifuddeen Sh. Mohd Salleh</i>	195
2)	Membuka minda Muslim terhadap sains <i>Nor Azaruddin Husni Hj Nuruddin</i>	199
3)	Menanam minat terhadap sains <i>Siti Fatimah Abd Rahman</i>	203
4)	Etika mengutamakan pemeliharaan nyawa <i>Khairul Azhar Idris</i>	207
5)	Etika pencegahan wabak dalam Islam <i>Khairul Azhar Idris</i>	211
6)	Implikasi pengklonan ke atas fitrah manusia <i>Sh. Mohd Saifuddeen Sh. Mohd Salleh</i>	215

BAB 6 : Islam dan Hubungan Antarabangsa

1)	Pisahkan keganasan daripada Islam <i>Mohd Roslan Mohd Saludin</i>	221
2)	Hormati hubungan hidup bersama <i>Abdul Monir Yaacob</i>	227
3)	Kesepakatan moral demi kestabilan dunia <i>Khairul Azhar Idris</i>	231
4)	Strategi alih pandangan Barat terhadap Islam <i>Mohd Roslan Mohd Saludin</i>	235

5)	Media Barat salah faham <i>Abdul Monir Yaacob</i>	239
6)	Debaran menanti serangan Amerika Syarikat <i>Mohd Roslan Mohd Saludin</i>	245
7)	Bangkit daripada kejatuhan Baghdad <i>Khairul Azhar Idris</i>	253
8)	Kekuatan Islam tegakkan keadilan <i>Khairul Azhar Idris</i>	257
9)	Kuatkan suara ummah dengan tindakan <i>Khairul Azhar Idris</i>	261
10)	Negara Islam masih terikat dengan Barat <i>Mohd Roslan Mohd Saludin</i>	265

Perutusan

Dengan berkembangnya era teknologi komunikasi dan maklumat pada abad ke-21 ini, umat Islam sedang berhadapan dengan berbagai-bagai persoalan baru yang tidak pernah timbul sebelum ini. Isu-isu bioteknologi seperti pengklonan, pemetaan genom dan organisma transgenik; isu-isu maya dunia tanpa sempadan melalui gerbang Internet yang banyak memaparkan laman-laman yang berunsur pornografi dan keganasan; isu-isu antarabangsa seperti pencerobohan wilayah tanpa mandat warga dunia; dan tidak kurang juga isu-isu berkaitan dengan kekeluargaan yang menunjukkan peningkatan kes-kes remaja bawah umur pada hari ini memesong ke arah perlakuan yang delinkuen. Kesemua persoalan ini memerlukan penyelesaian daripada umat Islam sendiri.

Makalah-makalah yang ditulis oleh staf IKIM bertujuan menjawab persoalan-persoalan ini daripada perspektif Islam. Kumpulan 57 buah artikel yang dimuatkan dalam buku ini merangkumi berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan Islam Hadhari yang meliputi kehidupan mengikut Islam, keperibadian menurut Islam, wanita dan pembentukan keluarga Islam, hubungan Islam dengan masyarakat, sains dan isu-isu antarabangsa.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada akhbar *Utusan Malaysia* kerana memberikan IKIM satu wadah untuk menyampaikan objektif penubuhan institusi ini iaitu kefahaman Islam.

Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
20 Februari 2004

Prakata

Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarganya serta para sahabat. Kerjasama antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan akhbar *Utusan Malaysia* dalam penerbitan artikel telah bermula pada 13 November 1992. Pada awalnya artikel-artikel penyelidik IKIM diletakkan di bawah satu ruangan bertajuk Minda Islam dan disiarkan pada setiap hari Jumaat. Tetapi bermula pada 10 Februari 1999, artikel-artikel tersebut telah disiarkan pada setiap hari Khamis dan Jumaat. Walau bagaimanapun, pada hari ini, ruangan tersebut yang telah ditukar kepada Isu Islam Semasa, sesuai dengan peredaran zaman dan perkembangan isu-isu berkaitan Islam, hanya disiarkan pada setiap hari Jumaat. Para penyelidik IKIM yang terlibat telah bergilir-gilir menyumbangkan hasil pemikiran yang kritis dan analisis yang mendalam mengenai isu-isu yang timbul ekoran daripada perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.

Sebelum penerbitan buku kompilasi ini, IKIM telah menerbitkan beberapa buah kompilasi artikel-artikel penyelidik-penyelidik yang pernah tersiar di dada akhbar. Usaha untuk membukukan artikel para penyelidik di akhbar *Utusan Malaysia* ini merupakan penerbitan kali ketiga pernah dibuat.

Kerjasama erat antara IKIM dan akhbar *Utusan Malaysia* diharap akan berterusan demi 'mencapai objektif yang telah dirancang. Melalui medium seperti ini, IKIM akan lebih mudah memberikan kefahaman yang jelas terhadap Islam mengenai isu-isu kontemporari yang muncul bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

Diharapkan agar buku kompilasi ini akan dapat memberikan panduan dan rujukan kepada khalayak mengenai mekanisme yang dapat dipraktikkan apabila berhadapan dengan isu-isu baru yang berkait rapat dengan Islam Hadhari yang tidak pernah timbul sebelum ini. Firman Allah dalam Surah al-Alaq ayat 1-5 sendiri menggesa supaya umat Islam membaca demi menambah ilmu pengetahuan. Dan ayat tersebut juga menekankan bahawa penulisan merupakan satu medium yang amat berguna sekiranya ingin mendidik dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Dengan penjelasan ini dapatlah memberi sedikit sebanyak perangsang dan dorongan kepada para penyelidik untuk menyumbangkan lebih banyak artikel untuk dijadikan bahan bacaan yang bermanfaat.

Akhir sekali saya dengan berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyelidik dan akhbar *Utusan Malaysia* kerana menghasilkan dan menerbitkan artikel-artikel yang meliputi segala aspek kehidupan manusia. Moga Allah sentiasa memberikan petunjuk dan hidayah-Nya kepada kita agar sentiasa berada di jalan yang diredai-Nya.

Datuk Dr Abdul Monir bin Yaacob
Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
7 Januari 2004

Pengenalan

Buku ini ialah kompilasi artikel-artikel penyelidikan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* sepanjang tahun 2001 sehingga bulan September 2003. Idea-idea yang dikupas meliputi pelbagai isu semasa yang berkaitan dengan Islam. Artikel-artikel tersebut telah dibahagikan mengikut beberapa bab berdasarkan tema perbincangan.

Dalam Bab 1 Islam Sebagai Cara Hidup, mengutarakan mengenai kerelevanan Islam sebagai cara hidup seorang Muslim. Kehidupan cara Islam meliputi berbagai-bagai aspek penting seperti politik (kenegaraan), hak kemanusiaan, hubungan antara budaya/agama, ekonomi dan lain-lain lagi.

Dalam Bab 2 Keperibadian Islam pula membincangkan mengenai pembentukan personaliti seorang Muslim berlandaskan nilai-nilai Islam yang universal.

Seterusnya, Islam juga menekankan peranan penting wanita dalam pembentukan keluarga dan pembangunan negara. Banyak isu-isu yang dikupas dalam Bab 3 Wanita dan Keluarga Islam berkenaan dengan wanita, kerjaya, peranan majikan dalam membantu wanita mengekalkan tanggungjawab kekeluargaan dan yang turut diberi perhatian juga ialah misi pencarian bapa misali yang tidak kurang pentingnya dalam pembentukan sebuah keluarga Islam yang harmoni.

Selanjutnya, Islam turut menekankan hubungan sesama anggota masyarakat dalam sesebuah negara. Sebanyak empat belas artikel telah dimuatkan dalam Bab 4 Islam dan Masyarakat. Antara topik yang dihuraikan ialah tanggungjawab rakyat kepada

negara, perpaduan, toleransi, semangat kejiranan, kepentingan generasi muda menghargai kemerdekaan, sifat kedermawanan, mengekalkan keamanan dari segi pencegahan jenayah dan menghormati mahkamah.

Islam tidak hanya tertumpu kepada persoalan akidah, tauhid, fikah, muamalat, munakahat, tetapi turut menitikberatkan aspek sains dan teknologi. Jika sejarah disingkap, saintis-saintis dahulu terdiri daripada orang Islam. Namun nama-nama mereka telah ditukar oleh orang-orang barat kepada nama Latin. Maka hari ini kita hanya kenal Alhazen yang nama sebenarnya ialah Ibn al-Haitham, Algorism (Al-Khawarizmi), Avicenna (Ibn Sina), Rhazes (Al-Razi) dan banyak lagi. Jelas terbukti bahawa Islam tidak sama sekali memisahkan ilmu sains dalam ajarannya. Dengan itu, Bab 5 Islam dan Sains telah menganalisis isu-isu sains semasa menurut perspektif Islam.

Bab yang terakhir pula mengulas mengenai Islam dan Hubungan Antarabangsa. Isu Islam yang dikaitkan dengan keganasan semakin hangat diperkatakan. Tambah membahangkan keadaan ialah serangan Amerika Syarikat, yang tidak segan silu mengaku sebagai polis dunia, terhadap Iraq; satu jenayah kemanusiaan yang paling kejam pada abad ini. Sungguhpun demikian, Islam tetap mempunyai penawar dalam segala masalah. Sekiranya manusia berbagai-bagai bangsa dan agama mampu mengetepikan kepentingan peribadi dan menghormati hidup bersama serta mengamalkan kesepakatan moral, nescaya dunia yang kita lihat pada hari ini tidak akan dilanda kemusnahan akibat kerakusan sifat kebinatangan manusia.

Himpunan Isu-isu Kontemporari ini diharapkan dapat menjadi pembuka minda dan penerang hati dalam menetapkan hala tuju individu seorang Muslim secara khususnya dan masyarakat Islam amnya.

Kesemua artikel-artikel yang telah disiarkan ini ialah hasil daripada ketajaman fikiran dan pandangan penyelidik-penyelidik IKIM yang diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM Datuk Dr Abdul Monir Yaacob; Encil Mazilan Musa, Pengarah Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial; Dr Zainal Azam Abd. Rahman, Pengarah Pusat Syariah, Undang-undang dan Sains Politik; Encik Nor Azaruddin Husni Hj. Nuruddin, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Perundingan dan Latihan; Puan Siti Fatimah Abd. Rahman, Fellow Kanan Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial; Encik Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Sains dan Teknologi; Encik Khairul Azhar Idris, Fellow Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial; Encik Mohd. Roslan Mohd Saludin, Fellow Pusat Syariah, Undang-undang dan Sains Politik; dan Encik Abu Bakar Yang, Pegawai Penyelidik Pusat Sains dan Teknologi.

Penyunting
Abdul Monir Yaacob
Norhanizah Ismail



BAB 1

ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP





PERLEMBAGAAN TIDAK HALANG ISLAM

Abdul Monir Yaacob

Mengikut Allahyarham Profesor Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim, kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan berbanding dengan beberapa negara Islam lain dalam OIC tidak banyak perbezaannya.

Hanya Perlembagaan Republik Turki sahaja secara nyata meletakkan negaranya sebagai negara sekular. Ini terdapat dalam Perkara 2, *The Republic of Turkey is a democratic, secular and social state* (Republik Turki ialah negara demokratik, sekular dan sosial).

Berlainan dengan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan, Islam ialah agama bagi Persekutuan. Sebelum negara ini mencapai kemerdekaan beberapa negeri Melayu seperti negeri Johor telah memasukkan agama Islam dalam Perlembagaan Negeri tersebut bertarikh 1895. Perkara 57, Perlembagaan Negeri Johor membuat peruntukan bahawa agama Islam ialah agama bagi negeri Johor dan segala jajahan takluknya. Bahkan ada pula negeri secara khusus menetapkan mazhab yang terpakai ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Mengimbas kembali secara ringkas sejarah memartabatkan Islam dalam Perlembagaan Negara adalah suatu usaha yang gigih dibuat oleh kerajaan yang memerintah ketika itu setelah disetujui oleh kaum-kaum terbesar di negara ini. Ini diperakukan sendiri bekas Perdana Menteri yang kedua Tun Abdul Razak, yang dinyatakan dalam Perbahasan Parlimen 1977.

Berbagai-bagai tafsiran telah diberikan kepada Perkara 3 (1). Jika dikaji secara menyeluruh terdapat beberapa peruntukan lain yang memberi kedudukan dan taraf kepada agama Islam.

Oleh yang demikian, adakah kita dikongkong untuk memahami Islam dengan apa yang dihuraikan oleh Mahkamah iaitu Islam terbatas kepada upacara-upacara semata-mata dan anggapan bahawa negeri ini sekular, sedangkan tiada perkataan sekular dalam Perlembagaan. Cuma ungkapan itu pernah timbul dalam kertas putih yang membuat perakuan tentang kedudukan Islam. Ungkapan itu perlu dilihat dalam konteks sejarah.

Kedudukan Islam dalam perlembagaan boleh dilihat daripada berbagai-bagai sudut. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan Islam boleh didapati selain Perkara 3, Perkara II (1) mengenai kebebasan beragama dan secara khusus, Perkara II (4) mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Perkara 121 (1A) kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem perundangan dan Perkara 12 (2) menggunakan wang daripada Dana Persekutuan Yang Disatukan (*Federal Consolidated Fund*) untuk tujuan-tujuan pembangunan Islam.

Dalam Jadual Kesembilan Senarai 11 Senarai Negeri telah menentukan butir-butir mengenai perkara-perkara hal-ehwal Islam yang terletak dalam bidang kuasa negeri. Antaranya ialah hukum syarak dan undang-undang diri serta keluarga orang-orang Islam; hukum syarak berhubung dengan perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat; pembahagian harta dan amanah khairat, wakaf, zakat fitrah, Baitulmal, masjid; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam; kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan dan penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-Mahkamah Syariah yang hanya mempunyai

Perlembagaan tidak halang Islam

bidang kuasa ke atas orang-orang Islam, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan, kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan.

Dalam Perlembagaan, terdapat Perkara 4 (1) yang meletakkan perlembagaan sebagai undang-undang utama mengatasi undang-undang lain. Peruntukan ini dilihat sebagai penghalang pelaksanaan Islam.

Ada pendapat mengatakan sama ada peruntukan itu benar-benar menghalang pelaksanaan Islam, pada hakikatnya, banyak tertakluk kepada tafsiran dan polisi-polisi yang dibuat bagi pelaksanaan Islam.

Perkembangan dalam pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam berjalan dengan baik; bahkan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan ada keserasian dengan Islam seperti yang menyentuh etika dan nilai. Bahkan Mahkamah Sivil telah memberi tafsiran yang positif tentang kedudukan Islam. Ada ketikanya kes-kes yang melibatkan muamalat diputuskan oleh Mahkamah Sivil.

Sudah timbul hasrat atau pendapat supaya satu tribunal atau mahkamah yang boleh membicarakan kes-kes muamalat. Mungkin telah sampai masanya ditubuhkan syariah *bench* di Mahkamah Sivil.

Pelaksanaan Islam di Malaysia tidak semestinya dibuat berdasarkan tafsiran mahkamah. Justeru, pembangunan syiar Islam dalam aspek infrastruktur telah berlaku dengan pesatnya. Di sana sini tersergam masjid, Pusat Islam, pejabat-pejabat agama, Mahkamah Syariah – semuanya dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang dibiaya oleh kerajaan. Bahkan seawal 80-an Bank Islam, Takaful dan produk-produk lain serta perkhidmatan Islam

telah ditubuhkan. Mereka yang berurusan dengan institusi-institusi tersebut termasuk masyarakat bukan Islam. Ini membuktikan rakyat negara ini telah dapat menikmati hasil dan faedah daripada pelaksanaan undang-undang Islam dalam bidang produk, perkhidmatan dan kewangan Islam. Sebenarnya mengikut kenyataan yang terbaru oleh Gabenor Bank Negara, Malaysia telah diiktiraf sebagai pusat kewangan Islam Global.

Keunikan Islam dalam perlembagaan termaktub peranan raja atau sultan dan Yang Dipertuan Agong. Raja adalah sebagai ketua agama Islam – Perkara 3 (2), (3) dan (5). Secara amnya hal-hwal agama Islam teletak pada negeri kecuali Wilayah Persekutuan terletak pada Pusat atau Parlimen. Beberapa perkembangan ke arah perubahan yang boleh meningkatkan lagi Islam dan hukum syarak sedang berlaku. Antara perubahan tersebut ialah mengemas kini dan menyeragamkan undang-undang yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah; mengadakan dasar guna sama pegawai dan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah; menubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; menubuhkan Jabatan Mufti; dan melengkapkan jabatan-jabatan tersebut dengan pegawai-pegawai.

Dalam usaha untuk menaiktarafkan Mahkamah Syariah dan perkembangan hukum syarak Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan. Satu unit ditubuhkan bagi tujuan ini di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Boleh disimpulkan bahawa pihak yang menyatakan sistem perlembagaan yang ada tidak memberi ruang kepada perkembangan Islam dan perundangannya sebagai tidak tepat kerana perubahan dapat dilihat berlaku secara teratur dan harmoni. Keadaan ini tidak menimbulkan keresahan kepada mana-mana pihak dan telah diterima dengan baik.

ORANG ISLAM MESTI PELIHARA HAK SETIAP INDIVIDU MANUSIA

Abdul Monir Yaacob

Dalam al-Quran dan Sunnah terdapat perkara-perkara yang menyentuh hak-hak manusia. Ini lebih jelas apabila meneliti kandungan Sahifah Madinah. Jaminan ke atas hak-hak rakyat bertujuan supaya keadilan dan kesaksamaan dapat dicapai dan dinikmati oleh rakyat. Jaminan kepada hak-hak rakyat atau individu telah menjadi *makasid al-Syariah*.

Tujuan utama syariah adalah untuk menjaga kepentingan manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Perkara yang menyentuh hak utama individu yang mesti dipelihara ada lima iaitu hak ke atas agama, nyawa (diri), akal, keturunan (maruah) dan harta. Pemeliharaan kepada kelima-lima perkara tersebut diberi jaminan oleh syarak.

Pengabaian kepada pemeliharaan lima perkara ini akan menyebabkan hilang (hak) dan mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Mempertahankan (hak) adalah masalah atau kebaikan bagi manusia. Justeru, bagi mencapai kesejahteraan dan kebaikan hidup duniawi maka hak ke atas nyawa, harta benda, kehormatan keturunan, akal dan agama dilindungi oleh syarak.

Bagi menjamin daripada pencerobohan ke atas hak-hak tersebut beberapa kaedah telah diadakan seperti *Sad al-Zarar* iaitu suatu kaedah bagi jaminan dan perlindungan yang diberi oleh perundangan syariah. Dalam memperkukuh jaminan ini maka diadakan hukuman ke atas mereka yang menceroboh hak-hak tersebut.

Hukum syarak menentukan hukuman yang berat ke atas pelanggaran hak-hak asasi manusia. Sebagai contoh, apabila berlaku pencerobohan ke atas diri dan nyawa, hukuman *qisas* boleh dijatuhkan. Apabila pencerobohan berlaku ke atas kehormatan seseorang dan harta benda hukuman *hadd* boleh dikenakan. Begitu juga jika seseorang melakukan kebinasaan ke atas diri sendiri, seperti mabuk, dia boleh dihukum.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjaga hak diri dan nyawa. Antaranya firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *“Dan jangan kamu membunuh diri seseorang manusia yang dilarangkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar.”*

Ini menjelaskan bahawa manusia adalah sama tarafnya dan dilindungi oleh undang-undang. Tiada sesiapa boleh mencerooboh hak kebebasan diri seseorang. Tidak boleh melakukan perkara yang menyekat diri, mencederakan dan sebagainya. Nyawanya tidak boleh diambil kecuali dengan kuasa undang-undang.

Tujuan diadakan peraturan atau perundangan adalah untuk memelihara kebajikan dan masalah atau menolak berlaku kerosakan atau kemudaratan kepada diri seseorang. Jika peraturan dan perundangan tidak dapat menjamin tujuan tersebut ini akan mendatangkan ketidakadilan dan pencerobohan ke atas hak seseorang.

Manusia diberi hak kebebasan untuk bergerak termasuk bekerja, melakukan kegiatan harian, mencari rezeki di tempat yang halal untuk nafkah diri dan keluarga, dan membuat sumbangan kepada pembangunan negara.

Islam memberikan hak kepada seseorang menganut agama pilihannya. Seseorang tidak boleh dipaksa untuk menganut agama

Orang Islam mesti pelihara hak setiap individu manusia

tertentu. Dalam al-Quran ada menyatakan yang bermaksud: *“Tiada paksaan dalam agama (Islam...,)”* (Surah al-Baqarah : 256).

Ayat tersebut secara jelas menyatakan bahawa dalam asas Islam tiada paksaan. Islam disebarkan dengan cara dakwah Islamiah kepada orang ramai dengan cara yang baik dan bijaksana. Ini ialah *manhaj* yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. semasa baginda menyebarkan Islam. Sebagai contohnya, baginda telah menerima Perjanjian Hudaibiyah dan antara kandungannya ada menyebut tentang pengikut Islam yang pergi ke pihak musyrik mereka ini tidak akan dihantar semula kepada pihak Islam.

Islam memandu supaya manusia memilih agama yang benar iaitu agama Allah seperti maksud firman-Nya: *“Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam...”* (Surah Ali Imran : 19). Apabila seseorang itu telah memilih agama Islam sebagai agama yang benar, dia dikehendaki memelihara akidah Islam supaya tidak terjejas atau murtad. Jika memilih untuk keluar Islam atau murtad, dia tertakluk kepada aturan dalam hukum syarak dan dia digolongkan dalam golongan orang yang rugi.

Untuk memelihara hak menganut agama supaya tidak terganggu, seseorang itu hendaklah mengamalkan ajaran agama Islam dan bukan setakat beriman dengan lidah mengakui Islam. Mengenai kehormatan diri dan nyawa orang bukan Islam, nabi ada bersabda bahawa: *“Barang siapa membunuh Muahad nescaya tidak menghidu bau syurga.”*

Islam menyeru supaya menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh menumpahkan darah seperti firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *“...sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seseorang manusia maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya...”* (Surah Al-Ma’idah : 32).

Akal ialah nikmat yang paling berharga dan bernilai yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia dan akal membezakan antara kejadian dan makhluk yang lain. Apabila manusia hilang akalnya hapuslah daya pertimbangan yang sihat dan waras. Ini boleh merosakkan dan mengancam dirinya sendiri dan orang lain. Justeru, memelihara akal daripada perkara yang boleh mendatangkan mudarat telah menjadi tujuan syarak. Dalam al-Quran terdapat lebih daripada empat puluh tempat yang menyebut tentang kepentingan 'akal fikiran' dan saranan supaya manusia menggunakan akal.

Dari segi hukum dan perundangan, akal ialah syarat bagi menentukan seseorang itu mukalaf atau mempunyai tanggungjawab dalam tindakan dan amalannya. Justeru, Islam mengharamkan perkara-perkara yang boleh merosakkan akal seperti arak dan dadah. Pengharaman arak terdapat dalam al-Quran. Seperti juga dengan dadah yang boleh membinasakan manusia.

MANUSIA DIKAT PERATURAN

Abdul Monir Yaacob

Al-Quran menceritakan tentang penciptaan secara terperinci serta menjelaskan asal usul kejadian manusia daripada Adam. Manusia dijadikan daripada benih dan jenis yang sama, iaitu daripada tanah (*turab*), daripada air mani (*main mahin*) dan daripada segumpal darah beku (*al-alaq*). Seterusnya Allah s.w.t. dalam Surah an-Nisa' ayat 1 menyatakan yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula daripada diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangan (isterinya Hawa) dan juga yang membiakkan diri keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.”

Manusia telah ditunjukkan bagaimana zuriat itu diteruskan iaitu dengan perkahwinan dan hendaklah antara lelaki dan perempuan. Daripadanya akan melahirkan keturunan yang sah. Inilah cara Islam memberikan zuriat manusia dan berkembang. Manusia tidak dihalaikan untuk membentuk keluarga tanpa ikatan perkahwinan yang sah.

Sudah pasti melahirkan keluarga di luar tabii boleh menghapuskan nasab yang sah dan menjejaskan kemuliaan manusia. Walaupun manusia boleh mengambil anak angkat, akan tetapi taraf dan kedudukannya tidak seperti anak sendiri. Implikasi hukum berbeza antara anak sendiri dengan anak angkat. Jika ada pertentangan antara undang-undang dan hukum syarak dalam perkara ini, hukum syarak hendaklah dipakai.

Untuk mengetahui keturunan seseorang itu bermula daripada proses dalam kandungan yang dijelaskan dalam ayat 15 Surah al-Ahqaf yang bermaksud: *“Tbunya telah mengandungkannya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkan dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya adalah dalam masa tiga puluh bulan.”*

Inilah proses tabii kejadian kelahiran manusia ke dunia. Manusia tidak dibenarkan mengadakan zuriat yang bertentangan dengan cara demikian. Apabila seseorang itu telah mencapai umur baligh atau taklif, ia mulai dibebankan dengan tanggungjawab, sama ada tanggungjawab keagamaan atau sosial dan lain-lain.

Dalam melaksanakan tanggungjawab keagamaan, manusia terikat dengan ketetapan-ketetapan dan aturan-aturan. Dalam hubungan ini manusia tidak bebas untuk menentukan bentuk ibadat dan cara melaksanakannya. Jika dilakukan mengikut ciptaan dan kemahuan yang difikirkan munasabah oleh logik semata-mata, kelakuan itu boleh membawa kepada kesesatan dan kebatilan.

Oleh yang demikian, ibadat tidak boleh direka-reka atau dicipta. Ibadat memerlukan nas dan dalil yang jelas. Orang Islam tidak boleh melakukan sesuatu ibadat sesuka hati. Sembahyang ada cara melaksanakannya begitu juga dengan ibadat haji. Suruhan atau sesuatu bentuk tuntutan ibadat tidak semuanya boleh dirasionalkan kewajarannya.

Islam menghendaki umatnya patuh atau taat kepada perintah agama. Kita diberi kebebasan melakukan sesuatu ibadat, akan tetapi hendaklah dalam batas-batas yang ditetapkan. Dalam Surah al-Jumu'ah ayat 9 bermaksud:

Manusia diikat peraturan

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk menunaikan sembahyang pada hari Jumaat maka segera kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkan jual beli (pada saat itu) yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui.”

Orang Yahudi bermegah-megah dengan hari Sabtu sebagai hari besar mingguan mereka. Ayat di atas menetapkan hari Jumaat sebagai *Sayyid al-Ayyam* bagi orang Islam dengan menetapkan supaya didirikan sembahyang yang khusus menandakan kebesaran hari Jumaat.

Ayat tersebut juga memerintahkan orang Islam segera ke masjid sebaik sahaja mendengar seruan azan dengan meninggalkan urusan kerja masing-masing seperti jual beli dan tugas di pejabat supaya dapat bersama mendengar khutbah dan mendirikan sembahyang Jumaat berjemaah.

Hari ini terdapat aktiviti jual beli semacam pasar mini di sesetengah kawasan masjid atau disekitarnya; daripada jualan ketayap sampai ke nasi minyak. Pelanggan sememangnya ramai dan mereka menikmati makanan yang menyelerakan dan mengenyangkan pada harga yang berpatutan.

Kepada peniaga-peniaga ini, elok kita contohi suasana sekitar di Mekah, Madinah dan Jeddah yang apabila azan berkumandang, mereka segera menutup perniagaan. Mereka boleh membuka semula perniagaan apabila selesai solat Jumaat. Janganlah setelah azan Jumaat berkumandang, masih ramai yang sibuk dengan urusan jual beli. Elok sekiranya kita lakukan yang dituntut oleh ayat tersebut dahulu.

Dalam pergaulan dan sosial ada batas-batas tertentu. Manusia jika diberikan kebebasan tanpa sempadan nescaya akan menuntut sesuatu yang bukan haknya. Ajaran Islam telah memberikan beberapa peraturan menghalang manusia mengikut hawa nafsu dan keinginan tanpa batasan. Mereka yang melakukan sesuatu hanya mengikut pertimbangan nafsu semata-mata akan cenderung kepada melakukan kemungkaraan dan kerja yang keji.

Dalam pergaulan, kita perlu menghormati hak orang lain. Begitu juga menghormati maruah orang lain. Kehormatan seseorang tidak boleh dicemarkan. Islam memandang setiap orang walau berbeza keturunan dan kepercayaan, sebagai mempunyai maruah. Tidak boleh memperhambakan orang yang dilahirkan merdeka. Dalam sejarah Islam walaupun terdapat hamba, mereka yang memilikinya digalakkan membebaskan golongan tersebut. Bahkan dalam sesetengah bentuk hukuman *kaffah* seperti sumpah, dikehendaki membebaskan hamba. Ini jelas dalam surah al-Ma'idah ayat 89.

Baginda Rasulullah s.a.w telah memerdekakan seramai 63 orang hamba, begitu juga dengan sahabat-sahabat baginda. Golongan hamba diberi peluang untuk membebaskan diri mereka. Islam menentang perhambaan sejak dahulu lagi. Sebagaimana yang kita ketahui perhambaan telah dilarang secara menyeluruh dan total seperti dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia.

Umat Islam terutama mereka yang berilmu tidak dihalang mengeluarkan pendapat. Ini ialah tradisi yang berlaku dalam sejarah tamadun Islam. Ilmu yang diturunkan dalam bentuk dokumentasi dan disusun dalam bentuk buku akan menjadi khazanah yang tidak ternilai harganya. Bagaimanapun tradisi ini nampaknya tidak begitu menyeluruh.

Manusia diikat peraturan

Ahli cendekiawan lebih banyak mengeluarkan pendapat di kaca TV atau radio dan pentas-pentas ceramah, kurang dalam penulisan yang sistematik dan ilmiah. Jika pergi ke perpustakaan buku atau kedai-kedai buku, kita dapat merasakan ketandusan dalam aspek ini.

Kalau ada pun lebih terjurus dalam bentuk buku teks untuk kegunaan golongan pelajar tertentu dan lebih memberi fokus kepada perkahwinan dan ibadat tertentu. Jika pun terdapat bahan-bahan ilmiah pemasarannya pula amat terbatas. Cubalah kita pergi ke toko-toko buku besar, buku-buku ilmiah dalam bidang agama amat sedikit.

Sebahagian daripada kita lebih suka menyuarakan hak kebebasan dengan bercakap dan mengeluarkan pendapat dalam perkara yang memberi kesan negatif dan menimbulkan kontroversi. Dengan cara begini, sebenarnya kita telah menyalahgunakan kebebasan. Dalam Islam ada etikanya. Sememangnya sesama orang Islam, mereka dibenarkan memberi nasihat. Akan tetapi bukan mengikut nafsu marah atau mempunyai kepentingan. Cara sedemikian boleh mendatangkan *niza'* atau perbalahan dan ini dilarang oleh Allah seperti firman-Nya dalam Surah al-Anfal ayat 46 yang bermaksud: “*Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan kelak nescaya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu.*”

Apa yang berlaku dalam masyarakat Islam di negara kita bukan khilaf pendapat, kerana khilaf pendapat ada kebaikannya seperti yang berlaku di kalangan ulama-ulama besar dahulu. Berlainan dengan kita sekarang. Kita sebenarnya berada dalam keadaan *niza'* atau berbantah-bantahan yang merugikan. Pada hal perkara yang berbantah-bantahan itu hanya mengenai cara dan pengisian, bukan matlamat.

Setiap orang Islam mestilah mempunyai matlamat yang sama. Dalam konteks negara, sudah pasti kita mahu melihat negara Islam ditegakkan. Malaysia telah pun diisytiharkan sebagai negara Islam. Akan tetapi bantahan masih dicanang oleh orang Islam sendiri. Begitu juga dalam beberapa perkara yang menyentuh kepentingan umat Islam. Nampaknya kini kedudukan orang Islam khususnya Melayu di Malaysia tidak seperti dahulu.

Dahulu kita bangsa dan rumpun yang kuat dan dihormati serta menjadi tempat bernaung. Tapi kini kekuatan bangsa kita dan agama Islam semakin tercabar kerana kita berbantah-bantahan sesama sendiri dan tidak bersatu padu. Kita boleh berkhilaf pendapat akan tetapi jangan berniza' kerana itu boleh melemahkan kita.

KHUTBAH NABI BERNADA SEDERHANA

Abdul Monir Yaacob

Selain daripada pendidikan formal yang disampaikan oleh guru atau ustaz di sekolah atau madrasah terdapat forum lain bagi menyampaikan maklumat atau dakwah. Forum yang dimaksudkan ialah khutbah di masjid dan tazkirah.

Ada dua sembahyang yang mempunyai khutbah iaitu sembahyang fardu Jumaat dan kedua-dua sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha. Khutbah Jumaat dilakukan sebelum fardu Jumaat ditunaikan dan wajib hukumnya; khutbah kedua-dua Hari Raya dilakukan selepas melakukan sembahyang. Tidak semua jemaah yang mendengar sepenuhnya khutbah-khutbah tersebut. Ada yang tiba lewat atau terlena, dan ada pula yang pulang awal selepas menunaikan solat Hari Raya.

Sebuah hadith ada menyatakan bahawa hendaklah dipanjangkan sembahyang dan ringkaskan khutbah. Hadith lain pula meriwayatkan bahawa sembahyang dan khutbah nabi tidak lama bahkan sederhana sahaja. Amalan yang biasa berlaku di masjid-masjid ialah khutbah dipanjangkan dan adakalanya meleret-leret serta memakan masa setengah jam dan sembahyangnya sekejap sahaja yang diikuti oleh doa selepasnya.

Akan tetapi tidak semua jemaah menunggu sehingga doa dibaca. Sebahagiannya telah pun keluar meninggalkan masjid. Sememangnya sudah ada aliran di kalangan masyarakat Islam di negara ini yang tidak lagi berwirid dan berdoa selepas sembahyang.



Apa cacatnya berwirid dan berdoa selepas sembahyang. Sedangkan Allah menyatakan, berdoalah kepada Aku nescaya akan dikabulkan.

Ulama jumbuh berpendapat wajib diam dan diharamkan berkata-kata ketika imam membaca khutbah sama ada didengar oleh imam atau tidak. Oleh yang demikian, kedudukan imam sangat istimewa ketika menyampaikan khutbah. Mungkin tidak pernah terdengar ada jemaah yang mencabar khatib ketika menyampaikan khutbah, walaupun tidak setuju dengan khutbah yang dibaca. Pernah kita mendengar rungutan menyatakan, orang yang baik dan taat menunaikan sembahyang ialah golongan yang menjadi sasaran khatib.

Agama terletak di bawah bidang kuasa negeri. Raja atau sultan ialah ketua agama Islam bagi negeri-negeri. Dalam menguruskan pentadbiran agama beberapa institusi seperti Majlis Agama Islam, Jabatan Agama dan Jabatan Mufti telah ditubuhkan secara sah.

Majlis Agama Islam ialah badan tertinggi yang menjadi penasihat kepada raja atau sultan dalam perkara agama. Di Jabatan Agama ada pegawai yang bertanggungjawab tentang masjid termasuk imam.

Sebuah jawatankuasa bagi menyediakan khutbah dipengerusikan oleh mufti ditubuhkan. Khutbah-khutbah yang disediakan dihantar ke masjid-masjid di seluruh negeri berkenaan. Ada negeri yang telah membukukan khutbah-khutbah.

Masalahnya, adakah semua masjid menggunakan khutbah yang disediakan oleh pihak jabatan/majlis agama atau menyampaikan khutbah yang disediakan oleh pihak lain atau imam membaca khutbah yang disediakan olehnya sendiri.

Saya sendiri pernah menunaikan sembahyang Jumaat di sebuah masjid di daerah Kuantan. Khatib menyampaikan khutbah dengan begitu bersemangat dan menyindir kerajaan. Apabila selesai sembahyang, saya bertanya sama ada khutbah itu disediakan oleh jabatan agama atau oleh pihak lain. Jawabnya, khutbah itu bukanlah yang disediakan oleh jabatan agama.

Pernah suatu ketika dahulu sewaktu dalam perjalanan ke utara, saya singgah bersembahyang Jumaat di sebuah masjid. Kandungan khutbah telah memberikan gambaran yang tidak tepat tentang pembangunan Islam di Malaysia - dengan menyatakan bahawa kerajaan hanya membangunkan Islam dengan mendirikan masjid tetapi mengabaikan usaha menegakkan hukum Allah.

Khutbah seperti ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan jemaah dan mengelirukan kerana kerajaan telah melaksanakan hukum Islam dengan agak meluas meliputi undang-undang keluarga, pusaka, wakaf, jenayah takzir, takaful, saham, kewangan Islam dan lain-lain lagi.

Jabatan Agama Islam atau majlis tidak mempunyai kemampuan untuk memantau tiap-tiap masjid pada setiap hari Jumaat lantaran tidak mempunyai pegawai yang cukup untuk dihantar ke setiap masjid bahkan akan membebankan.

Yang penting setiap khatib tidak menyalahgunakan forum khutbah sebagai tempat untuk melepaskan dan meluahkan perasaan marah atau digunakan oleh pihak lain yang berkemungkinan boleh mengganggu fikiran jemaah yang hadir ke masjid.

Khatib perlu menyampaikan khutbah yang boleh meningkatkan ketakwaan. Atau sekurang-kurangnya jemaah masuk ke masjid dengan jiwa yang tenang untuk menunaikan solat

Jumaat dan keluar dengan ilmu yang boleh memberikan manfaat.

Pada hari ini kedudukan imam-imam tidak sama. Ada negeri yang memberi elaun bulanan dan ada yang memberi elaun tahunan, dan amaunnya tidak seberapa kerana peruntukan itu diagihkan pula dengan bilal. Ini memberi erti bahawa tidak ada sesuatu yang kuat untuk menjadi ikatan antara imam-imam dengan kerajaan (kecuali negeri-negeri tertentu).

Tanpa ikatan ini sudah pasti sukar untuk memastikan imam-imam ini membaca teks khutbah yang disediakan oleh jabatan agama atau majlis. Bagi meningkatkan lagi profesion imam-imam, mereka sepatutnya diberikan kursus intensif dan elaun bulanan dengan tugas-tugas yang lebih menyeluruh.

Oleh yang demikian, perlu ada satu mekanisme bagi memantau penyampaian khutbah di negeri-negeri supaya tiada khutbah yang disampaikan menimbulkan kekeliruan di kalangan jemaah. Imam-imam besar masjid negeri perlu dijadikan ketua kepada imam-imam dan seterusnya membimbing mereka supaya melaksanakan tugas imam dengan berkesan dan sempurna.

HUBUNGAN ISLAM DENGAN *AHLUL KITAB*

Abdul Monir Yaacob

Islam adalah antara agama-agama yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. melalui Rasul-Nya, Nabi Muhammad s.a.w. Di samping Islam, terdapat agama-agama wahyu lain seperti Yahudi dan Nasrani (Nasara). Masing-masing mempunyai kitab iaitu al-Quran, Taurat, Injil dan Zabur. Nabi bagi orang Islam ialah Muhammad s.a.w., nabi bagi agama Yahudi ialah Musa a.s. dan bagi orang Nasrani ialah Isa a.s. Dalam al-Quran terdapat cerita-cerita tentang *Ahlul Kitab* ini. Mereka telah menetap di Madinah sebelum baginda Rasulullah s.a.w. berhijrah.

Terdapat tiga golongan Yahudi yang tinggal di Madinah ketika itu iaitu Bani Quraizah, Bani Nadzir dan Bani Qainuqa^c. Di samping itu terdapat juga suku Arab yang menganut agama Yahudi. Sungguhpun begitu, mereka tidak pula dikatakan golongan yang berkuasa di Madinah.

Pada masa Rasulullah s.a.w. menjadi ketua negara, Madinah telah dijadikan pusat pemerintahan. Pada ketika itu negara Madinah berjiran dengan kerajaan Rom dan Parsi yang merupakan dua kuasa besar. Raja pemerintah Rom ialah ketua kaum Nasrani dan Raja Parsi pula ketua pengikut *wathaniyah*. Empayar Rom menguasai Syria dan Mesir. Sementara kerajaan Parsi menguasai hingga ke Yaman.

Setelah beberapa tahun memerintah, baginda telah merangka dasar luar dengan mengutuskan perutusan diplomat. Ada pendapat yang menyatakan diplomat yang diutus itu menguasai bahasa negara yang berkenaan. Ini tidak meng-

hairankan kerana sebelum kedatangan Islam orang Arab telah mengadakan hubungan perniagaan dengan negara-negara jiran. Di samping itu terdapat di kalangan mereka yang telah menolak agama Islam seperti Sulaiman al-Farisi.

Hubungan diplomasi ini berlaku dengan rancak selepas peristiwa Sulh Hudaibiyah atau Perdamaian Hudaibiyah dengan golongan Quraisy Mekah. Bagaimanapun sebelum itu, ketika Rasulullah s.a.w. berada di Mekah pun perutusan telah dihantar ke Habsyah yang diperintah oleh Raja Najjasi yang beragama Kristian.

Baginda dikatakan telah menulis warkah dan mengutus diplomat kepada Raja Rom (Byzantium), Raja Parsi (Sasan) dan al-Muqawqis penguasa Iskandariah di Mesir. Sekurang-kurangnya tiga perutusan telah dihantar oleh baginda Rasulullah s.a.w. ke Syria yang dikuasai oleh pemerintahan Rom yang berpusat di Constatinople.

Beberapa prinsip telah diasaskan dalam hubungan dua hala antara pemerintahan Rasulullah s.a.w. dengan negara jiran seperti Rom. Ini boleh kita amati berdasarkan warkah-warkah yang dihantar kepada negara-negara berkenaan. Antaranya baginda menyatakan kedudukannya sebagai Nabi dan Rasul, sebagai ketua pemerintah, dan menyeru supaya menerima ajaran agama yang dibawanya iaitu Islam. Ada negara yang begitu tersinggung dan marah dengan kenyataan tersebut seperti Raja Parsi dan memerintah gabenor di Yaman yang telah mengambil tindakan ke atas baginda.

Terdapat pembesar-pembesar yang menerima dengan baik seperti al-Muqawqis dan al-Najjasi. Al-Muqawqis diceritakan telah memberi hadiah kepada baginda. Al-Najjasi pula telah diminta supaya membantu dan memberikan kemudahan kepada orang Islam yang berada di Habsyah untuk pulang ke Madinah. Raja

tersebut telah menyediakan dua buah kapal bagi tujuan tersebut. Malah lebih dari itu Raja al-Najjasi telah menganut agama Islam.

Sikap pemerintahan Rom, pada peringkat permulaan adalah baik. Perutusan baginda telah membawa pulang hadiah-hadiah daripada pembesar Byzantium dari Basrah untuk Rasulullah s.a.w. Hubungan baik ini diperlukan kerana pedagang-pedagang Islam sering berulang-alik dari Madinah ke Syria dan begitu juga dengan pedagang-pedagang dari Syria ke Madinah.

Dalam satu perutusan Rasulullah s.a.w. kepada kaum Yahudi di Khaibar, baginda antara lain menulis di atas warkah perutusannya, “Wahai penganut ahli Taurah, sesungguhnya kamu telah mendapati dalam kitab kamu, mengenai agama yang dibawa oleh Muhammad. Beritahu kepada aku, adakah kamu mendapati dalam kitab yang diturunkan oleh Allah supaya kamu beriman dengan Muhammad. Jika kamu tidak mendapatinya, maka Aku tidak sekali memaksa ke atas kamu.”

Terdapat beberapa dasar yang dibawa dalam ikatan perhubungan ini, antaranya tidak ada paksaan dalam menganuti ajaran Islam ke atas *Ahlul Kitab*. Ini jelas dalam ajaran Islam bahawa tiada paksaan dalam agama. Dan dapat dibuktikan apabila piagam Madinah dimeterai dan disetujui.

Bagi orang Islam mereka hendaklah patuh kepada agama Islam dan kekal di dalamnya. Bagi pengikut agama *Ahlul Kitab* mereka boleh kekal dalam agama mereka seperti yang tercatat dalam dokumen pembentukan negara Madinah yang diterajui oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Dalam aspek kemasyarakatan orang Islam lelaki dibenarkan berkahwin dengan wanita *Ahlul Kitab*. Begitu juga dengan makanan dan sembelihan mereka. Orang Islam dibenarkan memakannya. Keadaan ini boleh menjalinkan hubungan yang baik dan harmoni.

Baginda Rasulullah s.a.w. terkenal dengan sikap adil, lapang dada, dan menghormati tetamu dengan cara yang lembut dan hikmah. Baginda pernah membenarkan mereka melakukan ibadat di dalam Masjid baginda. Bahkan apabila baginda memilih diplomat ke sesebuah negara seperti ke Najran (Yaman) baginda memilih wakil yang mempunyai sikap amanah. Baginda memilih Abu Ubaidah bin al-Jarrah - seorang sahabat yang amanah sebagai diplomat ke Najran.

Dalam hubungan antara Islam dan *Ahlul Kitab* sepatutnya tiada konfrontasi. Kerana kesemua agama-agama ini bersumberkan wahyu. Dalam surah al-Qasas, ayat 52 yang bermaksud, "*Orang-orang yang kami beri Kitab sebelum turun al-Quran mereka beriman kepadanya.*"

Ayat tersebut menjelaskan bahawa terdapat di kalangan orang Yahudi dan Nasrani/Nasara termasuk pendita-pendita yang beriman dengan al-Quran dan telah memeluk agama Islam pada zaman nabi.

Dalam hubungan antara Islam dan *Ahlul Kitab*, al-Quran ada beberapa titik persamaan. Al-Quran juga ada menjelaskan bahawa di kalangan *Ahlul Kitab* terdapat mereka yang baik.

Jelas bahawa dalam menjalin hubungan luarnya, baginda Rasulullah s.a.w. memilih pendekatan terbaik-baik dengan negara jiran dengan menjalin ikatan persahabatan dan ini bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia seperti yang dijelaskan dalam al-Quran bahawa manusia itu dijadikan dengan perbezaan bangsa dan kabilah adalah untuk berkenalan dan bersahabat. Semangat yang mulia dalam hubungan antara pelbagai pihak, Islam menghulur tangan kepada perdamaian dan keamanan. Sifat dan sikap begini patut ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Islam.

ISLAM TUNTUT UMATNYA CERGAS DALAM EKONOMI

Mazilan Musa

Jika diteliti, kedudukan ekonomi umat Islam di dunia pada hari ini secara keseluruhannya sangat menyedihkan berbanding pencapaian ekonomi penganut agama lain seperti Kristian dan Yahudi.

Realiti ini sangat bertentangan dengan falsafah yang dipelopori oleh Islam itu sendiri. Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka tetapi mesti dalam batasan syariah yang dibenarkan. Pada hemat saya, kedaifan ekonomi umat Islam berpunca daripada kegagalan mereka menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Sebagai umat Islam kita tidak perlu menjadi miskin semata-mata untuk memberikan tumpuan kepada ibadah serta mendapatkan keredaan Allah s.w.t.. Definisi ibadah itu sangat luas. Perlu difahami bahawa mencari pendapatan untuk menyara keluarga dan memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak merupakan satu ibadah yang sangat dituntut oleh Islam daripada setiap umatnya.

Rasulullah s.a.w. juga ada bersabda dalam sebuah hadith yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah suka kepada hamba yang bekerja dan berusaha. Barang siapa bersusah-payah mencari nafkah untuk keluarganya maka dia serupa dengan seorang *mujahid* di jalan Allah.” (Hadith Riwayat Ahmad).

ISLAM HADHARI

Himpunan Isu Kontemporari

Buku ini merupakan kompilasi artikel-artikel penyelidikan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* sepanjang tahun 2001 sehingga bulan September 2003. Idea-idea yang dibentangkan meliputi pelbagai isu semasa yang menyentuh mengenai cara hidup, keperibadian, isu wanita dan keluarga, masyarakat, sains dan hubungan antarabangsa yang telah dikupas menerusi perspektif Islam.

Oleh itu, buku ini sesuai dijadikan rujukan untuk menjawab segala persoalan dan masalah yang timbul dalam masyarakat kita pada hari ini. Moga himpunan 57 artikel yang dipaparkan di dalam buku ini dapat memberikan inspirasi dalam membentuk masyarakat Islam Hadhari.

ISBN 983-2718-05-8



9 789832 718055

Institut Kefahaman Islam Malaysia
2 Langgak Tunku off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur
Tel: 6204 6200 Faks: 6204 6240
<http://www.ikim.gov.my>